

Gejala Buli (Part 6)

Azizi bin Hj Yahaya

Faktor-faktor di atas adalah faktor yang menyumbang kepada berlakunya perlakuan buli. Dengan adanya kajian-kajian yang berkaitan dengan faktor dan punca perlakuan buli ini, pakar dan pengkaji dapat mencari kesan dan langkah pencegahan perlakuan buli ini. Maka, tindakan yang terbaik dapat diambil sekiranya kesan dan langkah pencegahan dapat dikenal pasti.

Seperti yang kita sedia maklum, perlakuan buli adalah perlakuan ganas yang akan memberi kesan kepada mangsa buli. Kesan perlakuan buli boleh terjadi kepada pembuli, mangsa buli, ibu bapa dan masyarakat. Setelah kita mengetahui faktor-faktor terjadinya buli ini, kita dapat mengenal pasti kesan yang akan di terima oleh pelaku buli, orang yang di buli dan masyarakat amnya.

Kesan perlakuan buli terhadap pembuli akan menyebabkan pembuli tersebut menerima akibat di atas perbuatannya. Menurut Beale (2001) mereka yang menjadi pembuli cenderung 3 kali ganda untuk melakukan jenayah atau pun sesuatu yang menyalahi undang-undang pada ketika usianya 30 tahun berbanding orang biasa. Mereka juga akan terdedah dan terjebak dengan masalah jenayah dan sekali gus mempunyai rekod jenayah. Golongan pembuli selalunya lebih cenderung untuk bergaul dan mempunyai rakan dikalangan orang yang mempunyai masalah yang sama dengan mereka dan ini menyumbang kepada terjebaknya masalah samseng dan gangsterisme.

Manakala, kesan terhadap mangsa buli pula, mereka akan mengalami trauma dan penderitaan yang serius dan cuba akhiri hidup dengan membunuh diri (Beale,2001). Selain itu, rakan-rakan yang lain akan menganggap mereka ini lemah dan gagal. Ini akan menyebabkan mangsa buli mengalami tekanan yang hebat dan menyalahkan diri sendiri di atas kekurangan diri mereka (Olweus,1993). Mereka juga lebih cenderung untuk bersendirian, kerisauan sentiasa, dan bagi remaja mereka tidak mahu ke sekolah. Kesan terhadap ibu bapa pula mereka akan berasa kecewa dan mencari-cari kesalahan mereka

mendidik anak. Mereka juga akan merasa mereka gagal untuk mendidik anak menjadi berdisiplin dan patuh pada undang-undang. (Azizi Yahaya, 2007).